

# USIM johan pertandingan debat Alam Sekitar IPTA

**D**URIAN TUNGGAL: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dinobatkan sebagai juara Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2011 selepas menewaskan Universiti Malaya (UM) pada saingan akhir di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini, semalam.

Kemenangan itu membolehkan pasukan berkenaan yang diwakili Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, 22, Mohamad Shah Izad Saleh, 21, dan Irhamudin Ibrahim, 21, membawa pulang Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar selain piala iringan dan wang tunai RM8,000.

Mohd Ikhwan yang juga pelajar jurusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, menerima hadiah

berganda apabila dipilih sebagai Pendebat Terbaik sekali gus membawa pulang Piala Ketua Pengarah Alam Sekitar dan wang tunai RM1,500.

Selaku naib juara pula, UM yang diwakili Muhammad Azzairi Rosle, 22, Mohd Firdaus Ahmad, 22, dan Muhammad Adam Danial Hafiz Goh, 20, menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 selain piala iringan.

Dalam pertandingan akhir di Dewan Besar UTeM itu, USIM bertindak sebagai 'kerajaan' manakala UM sebagai 'pembangkang' mendebatkan isu bertajuk Kelestarian Alam Sekitar Membina Ketamadunan Bangsa.

Tempat ketiga menjadi milik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan keempat, Universiti Islam Antara-



**DR ABDUL RAHIM** (dua dari kanan) menyampaikan piala pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kepada pendebat USIM.

bangsa Malaysia (UIAM) yang masing-masing berpuas hati membawa pulang piala iringan dan wang tunai RM1,000.

Semua hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha 2 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dr Abdul Rahim Nik.